

PAYUNG
FUNGSI, REKACORAK DAN PERKEMBANGANNYA
DI MALAYSIA PADA MASA KINI

OLEH.

NORAZNIN BINTI TASMUJI
89743533

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis & Senireka
Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

- i) Dipenksa oleh.....Tarikh
- ii) Dipenksa oleh.....Tarikh
- iii) Dipenksa oleh.....Tarikh

Dekan
Kajian Senilukis dan Senireka
Institut Teknologi Mara
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Illahi kerana dengan izinnya dapatlah saya menghasilkan tesis in untuk memenuhi sebahagian syarat kajian senilukis dan senireka. Maka ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya di atas kerjasama yang telah diberikan oleh orang perseorangan mahupun pihak-pihak tertentu yang telah memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini.

Terutamanya kepada :-

1. Puan Zaharah Othman
Penasihat Kajian
Pensyarah Jabatan Tekstil
Kajian Seni Lukis & Seni Reka

2. En. Samsuddin
Juruteknik Jabatan Fotografi
Kajian Seni Lukis & Seni Reka

3. Arkib Negara
Jalan Duta
Kuala Lumpur

SINOPSIS

Manusia dijadikan Allah di atas muka bumi ini dengan dua naluri yang berbeza iaitu keperluan dan kehendak. Keperluan bagi manusia adalah manusia yang terpenting dalam kehidupan seharian iaitu makanan, pakaian dan tempat perlindungan. Manakala kehendak pula merupakan suatu keinginan. Ia juga dinilai sebagai menyokong keperluan dalam kehidupan sehari-hari seperti keinginan untuk berumah besar, memiliki kereta, dan sebagainya.

Payung pada asalnya merupakan salah satu kehendak manusia tetapi apabila dilihat akan fungsinya, menjelaskan bahawa payung kini bukanlah sekadar memenuhi kehendak manusia tetapi telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam kehidupan seharian.

TUJUAN

Atas kesedaran dan kepekaan terhadap kepentingan payung dalam kehidupan seharian manusia maka tesis ini dilahirkan untuk mengetahui sejauh manakah pentingnya payung dalam memainkan fungsi dan peranannya sehingga menjadi sebahagian daripada keperluan hidup manusia di samping membongkar segala rahsia yang terselindung dibaliknya.

BAB 4**KAJIAN REKABENTUK DAN REKACORAK PAYUNG**

4.1	Reka bentuk Payung	43	-	44
4.1	Tinjauan tentang penghasilan payung	45	-	48
4.2	Rekacorak Payung	49	-	50
4.2.1	Teknik-teknik Cetak dalam penghasilan Rekacorak Payung	51	-	55
4.4	Jenis-jenis Motif pada Rekacorak Payung			56
4.4.1	Motif Flora dan Fauna	57	-	58
4.4.2	Motif Feometrik	59	-	61
4.4.3	'Siri Aturan Design' dalam Rekacorak Payung	62	-	66
4.5.	Penggunaan Warna pada payung	67	-	69
4.6	Faktor luaran yang mempengaruhi Rekacorak Payung	70	-	71

BAB 5**PENGLASIFIKASI PAYUNG**

5.0	Jenis-jenis Payung di Malaysia	72	-	74
5.1	Jenis-jenis Payung Di Raja	75	-	77
5.2	Pemilihan jenis payung bagi masyarakat umum di Malaysia			78

BAB 6**PEMASARAN PAYUNG SECARA KOMERSIAL**

6.1	Lokasi pemasaran	79	-	80
6.2	Nilai Harga	81	-	84
6.3	Skop pembelian payung di kalangan masyarakat di Malaysia	85	-	87

1.1 PENGENALAN

Di negara kita Malaysia, yang beriklim khatulistiwa sudah pastinya mengalami cuaca panas dan hujan sepanjang tahun. Dilema cuaca yang begini memaksa penghuni buminya memiliki sekaki payung untuk melindungi diri mereka. Bak kata pepatah Melayu "Sediakan payung sebelum hujan". Ternyata pepatah ini sepadan dengan iklim khatulistiwa di negara kita.

Ini membuktikan sesungguhnya penggunaan payung di Malaysia bukanlah satu yang luar biasa dan terhad, sebaliknya payung digunakan dengan meluas dan bebas.

Lihat sahaja di mana-mana, semua orang menggunakan payung, tidak kira siang ataupun malam. Sememangnya payung amat berguna kepada manusia. Tanpa payung bermakna manusia kehilangan satu alat untuk berlindung daripada panahan terik cahaya matahari serta curahan air hujan yang turun ke bumi. Akibat daripada dua faktor yang berbeza inilah yang menjelaskan bahawa payung telahpun menjadi salah satu keperluan sehari-hari dalam kehidupan manusia.